

19/09/2002

23 penuntut Bosnia lawat Malaysia

Khairina Yasin

SERAMAI 23 pelajar dan lima guru pengiring dari Sekolah Camil Sijaric Sarajevo, Bosnia, melawat Sekolah Kebangsaan Bukit Damansara (SKBD), Kuala Lumpur, kelmarin.

Kunjungan mereka ke sekolah itu adalah satu daripada 11 lawatan rombongan pelajar dan guru sekolah berkenaan ke sekolah terpilih di Pahang, Selangor, Terengganu, Kelantan, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan.

Program julung kali yang juga cetusan idea Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu dianjurkan Ibu Pejabat Umno dan Parti Tindakan Stranka Demokratik (SDA), Bosnia Herzegovina dengan kerjasama Ranhill Berhad dan Tanco Resort Berhad.

Guru Besar SKBD, Rashedah Md Yassin, berkata pihaknya berasa bangga kerana menerima rombongan pelajar Bosnia yang pada masa sama diharap dapat mengeratkan lagi hubungan persaudaraan antara kedua-dua pihak.

Katanya, penderitaan dialami rakyat Bosnia akibat peperangan pasti memberi pelbagai pengetahuan dan pengalaman yang mampu dikongsi bersama.

"Kita berharap melalui program ini, pelajar dapat mendengar sendiri luahan penderitaan yang disampaikan oleh pelajar Bosnia ini, sekali gus memberi kesedaran kepada mereka akan pentingnya keamanan dan kesejahteraan sesebuah negara. Malah, mereka seharusnya bersyukur kerana menjadi rakyat negara aman seperti Malaysia," katanya.

Lawatan itu turut diserikan dengan persembahan koir dari kedua-dua sekolah, selain tayangan pita video yang memaparkan penderitaan hidup rakyat Bosnia sejak awal peperangan dan kesannya terhadap rakyat dan negara berkenaan.

Turut hadir Timbalan Pengarah Bahagian Sekolah (Pengurusan Pelajar), Kementerian Pendidikan Malaysia, Abdullah Abdul Kadir serta Pengerusi Persatuan Ibu bapa dan Guru SKBD, Jes Izman Izaidin.

Sementara itu, Pengarah Sekolah Camil Sijaric Sarajevo, Faruk Jabucar, berkata pihaknya berterima kasih kepada rakyat Malaysia kerana membantu mereka membina semula sekolah yang musnah akibat peperangan.

Beliau berkata, sumbangan RM5 juta hasil kutipan rakyat Malaysia membolehkan pelajar Sekolah Camil Sijaric Sarajevo mendapat pendidikan yang lebih sempurna.

"Di samping menceritakan pengalaman mereka ketika peperangan, lawatan ini juga bertujuan untuk melahirkan penghargaan yang tidak terhingga atas segala bantuan dan khidmat yang disumbangkan rakyat Malaysia kepada kami.

"Rakyat Malaysia sememangnya beruntung kerana hidup dalam keadaan yang aman tanpa peperangan. Apa yang diharap, keamanan ini akan berterusan dan elakkan peperangan yang bukan saja membawa kepada kemusnahan harta benda, malah mengakibatkan kehilangan banyak nyawa," katanya ketika ditemui selepas lawatan itu.

Program lawatan selama 12 hari berakhir 26 September ini turut membawa pelajar ke beberapa lokasi menarik sekitar Kuala Lumpur seperti Muzium Kesenian Islam, Masjid Negara, Planetarium Negara, Menara Berkembar Petronas dan Kuala Lumpur City Centre (KLCC).